

BAB 5

KONSEP DAN FUNGSI RUANG RUMAH KEDIAMAN, MASJID, SURAU DAN WAKAF

5.1 Konsep Ruang Rumah Kediaman

Ruang adalah dimensi antara pelbagai sempadan. Ruang wujud kerana adanya struktur. Setiap ruang mempunyai makna dan fungsinya tersendiri. Oleh sebab itu dalam setiap bangunan mesti ada ruang. Sebagaimana kenyataan Zulkifli Hanafi,

'Senibina ditafsirkan sebagai seni, mempunyai sesuatu ruang, Lao Tze menyatakan senibina tidak terletak pada dinding dan bumbungnya tetapi adalah pada ruang-ruangnya'.¹

Kenyataan ini disokong oleh Louis I. Kahn yang menyatakan.

'Senibina bererti mencipta ruang dengan cara yang benar-benar direncanakan dan diperlukan. Perubahan senibina yang berlangsung terus menerus sebenarnya berakar dari perubahan konsep ruang'.²

Bagi Mokhtar Ismail, pengwujudan ruang berdasarkan kepada 3 unsur penting iaitu panjang, lebar dan tinggi.³

1. Zulkifli Hanafi, 1980, *Prinsip Rekaan Senibina*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, hal 70.

2. Louis I Khan, *Opcit*, Hal 2.3

3. Mokhtar Ismail, 1992, - *Rumah Tradisional Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, hal- 31.

Justeru itu kita dapati ruang merupakan suatu unsur penting dalam sesebuah bangunan. Setiap ruang mempunyai hubungkait dengan corak perlakuan dan kehendak anggota-anggota masyarakat. Kehendak-kehendak ini akan menentukan semua bentuk ruang seperti kata Sommer

'Spatial correlates of status level and conversely, sosial correlates of spatial position'⁴

Dari kepentingan ini, dalam mereka bentuk sesebuah bangunan, ruang-ruang diberi keutamaan

"Kesedaran tentang makna dan fungsi ruang ini mempunyai erti dan implikasi dalam usaha penyusunan ruang oleh para arkitek dalam binaan sesebuah 'architecture'"⁵

Dari segi konsep dan fungsi, ruang mempunyai pertalian yang erat dengan kehendak masyarakat, kerana konsep itu sendiri mempengaruhi bentuk dan susunan ruang di dalam sesebuah bangunan.

4. Sommer, Robert, 1969, *Personal Space*, New Jersey, Ina. Englewood Chiff, Prentice Hall, hal - 17.

5. Zainal Kling, Ruang Sosial Masyarakat Melayu, *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu*, 24 - 26 Januari 1994, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, hal - 7.

Kalau diperhatikan, rumah tradisional Melayu boleh disifatkan sebagai bangunan yang disesuaikan dengan kehendak iklim, topografi dan estetik tetapi penyusunan ruang dan komponen bangunannya disusun untuk disesuaikan dengan kehendak penghuni, masyarakat, adat istiadat dan ekonomi.⁶

Budaya merupakan faktor penting yang mempengaruhi penyusunan ruang dalam rumah Melayu. Faktor-faktor lain yang berkait rapat dengan pembentukan ruang ialah ekonomi, kedudukan sosial dan keperluan penghuni. Oleh sebab itu rumah dibina berperingkat-peringkat mengikut kemampuan pemiliknya pada sesuatu masa, tetapi peringkat pertama dan paling penting ialah rumah ibu sahaja dibina.⁷ Apabila anggota keluarga bertambah, ruang perlu diperbesarkan maka berlakulah tambahan ruang. Justeru itu lahirlah jenis-jenis rumah seperti rumah tiang 12 atau rumah berserambi dua ruang dan rumah tiang enam belas atau rumah berserambi 3 ruang.

Zainal Kling pada tahun 1994, menyatakan terdapat dua jenis ruang yang sering diperkatakan iaitu ruang fizikal dan ruang sosial.⁸ Ruang fizikal wujud kerana adanya dimensi dan tempat, sedangkan ruang sosial wujud kerana adanya status. Adanya kedua-dua ruang ini maka lahirlah ruang peribadi.

6. Mokhtar Ismail - *Opcit* - hal 32

7. Zulkifli Hanafi - dalam buku *Pembinaan Rumah Tradisional Melayu* menyatakan, rumah ibu merupakan struktur utama sesebuah rumah.

8. Zainal Kling, *Opcit*, hal-5

'Ruang merupakan suatu gagasan abstrak, dipernyatakan dengan perkembangan bahasa, kelakuan serta penyusunan benda-benda'.⁹

Kepentingan sesebuah rumah bukan sahaja sebagai keperluan perlindungan tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan psikologi manusia, sosialisasi masyarakat, kehendak-kehendak peribadi, agama, adat istiadat dan sebagainya. Jadi, penyusunan ruang mestilah ada hubungkait dengan kehendak-kehendak tersebut.

Penyusunan ruang dalam rumah Melayu juga menyatakan makna berdasarkan taraf pencapaian ekonomi individu yang ada kaitan dengan individu dalam keluarga, keluarga dengan masyarakat dan individu itu sendiri. Oleh itu, adanya ruang untuk peribadi, keluarga dan masyarakat.

Setiap ruang mempunyai fungsi dan penghuninya pada masa-masa tertentu. Susunan ruang itu pula menggambarkan pelbagai nilai dan keperluan manusia untuk berhubung, berinteraksi dan memelihara ruang peribadi, seperti 'privacy' antara orang luar dan orang dalam.

9. Zainal Kling, *Ibid*, hal-5

Gibbs dalam kajiannya menyatakan

'The different sections of the Malay house are organised at higher and lower levels. According to some Malays, the levels or layers found in the Malay house depict the characteristics of Malay society. Respect for one another fundamental to the Malays. Leaders and elders are highly respected and their doctrine is taught in the home'¹⁰

Dalam usaha melihat pembahagian ruang dalam sesebuah rumah Melayu, beberapa orang pengkaji telah mengelasifikasi ruang kepada beberapa bentuk.

Abd. Rahim Abdullah telah mengklasifikasi ruang kepada tiga iaitu ruang formal, ruang aktif dan ruang pasif.¹¹ Ruang formal ialah ruang bagi tuan rumah menerima kunjungan tetamu, seperti di serambi, selasar dan dapur. Ruang aktif pula ialah ruang di bahagian belakang di mana aktiviti harian keluarga berlangsung. Ruang pasif ialah di bahagian ibu rumah dan bilik-bilik tidur. Ruang ini terletak di antara ruang aktif dan ruang formal.

Wan Baharudin Wan Abidin pula mengelasifikasi ruang rumah tradisional kepada dua ruang, iaitu ruang asas dan ruang tambahan.¹²

10. P. Gibbs, 1987, *Building a Malay House*, Oxford University Press, hal-23.

11. Abd. Rahim Abdullah, *Pengenalan Senibina Melalui Aspek Fizikal*, Kertas Kerja Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan dan Senibina, KL, 20-23/1/81.

12. Wan Baharuddin Wan Abidin, 1981, *The Malay House, Rationale and Change* (Master Thesis) M.I.T. Massachusset, hal-30.

Ruang asas ialah ruang tiba, iaitu ibu rumah dan dapur manakala ruang tambahan pula ialah bahagian anjung, serambi, bilik dan pelantar. Sistem sosial dan unsur-unsur keagamaan yang menghalang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan telah juga mempengaruhi ruang pada rumah Melayu. Kesan daripada itu, telah wujud ruang untuk kaum lelaki dan ruang untuk kaum perempuan. Pembahagian ruang begini dikenali sebagai konsep "Dwi-Kompartmentalisasi" dan konsep 'publik-persendirian'¹³. Konsep dwi-kompartmentalisasi membawa maksud perhubungan sosial masyarakat Melayu dibahagi dua, iaitu untuk wanita dan untuk lelaki.

Mengikut adat resam orang Melayu, orang lelaki tidak dibenarkan memasuki ruang perempuan tanpa izin melainkan anggota-anggota keluarga sendiri. Selain konsep dwi-kompartmentalisasi, ruang-ruang juga diwujudkan berdasarkan konsep publik-persendirian. Konsep ini bererti ada ruang-ruang yang dianggap terbuka dan tertutup.

Ruang-ruang terbuka boleh digunakan oleh anggota-anggota masyarakat sekeliling dan ruang tertutup hanya digunakan sebagai ruang persendirian. Pengwujudan ruang-ruang ini kerana faktor-faktor sosial, budaya dan agama.

13. Mokhtar Ismail, *Opcit*, hal-35.

Kadangkala kita dapati ruang-ruang yang diwujudkan dalam rumah-rumah Melayu tradisional adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak yang terlibat dengan faktor dalaman dan faktor luaran. Ismail menganggap faktor-faktor dalaman dan luaran itu sebagai faktor mikro¹⁴. Faktor mikro ialah ruang-ruang yang diwujudkan untuk kehendak dan aktiviti penghuni dan kerja terhad kepada penghuni rumah itu sahaja sedangkan faktor makro pula wujud atas kehendak masyarakat dan agama.

Jadual 3 dapat menjelaskan konsep publik persendirian dan konsep mikro-makro.¹⁵

Penggunaan Ruang Dalam Rumah Melayu.

Jadual 3

Kehendak/ Sifat	Mikro	Makro
Publik	Serambi Kelek	Serambi Kelek
Persendirian	anak/rumah Dapur	anak/rumah Dapur
Umum	Bilik Rumah ibu Pelantar Dapur Anjung Perigi	- Anjung Pelantar Perigi

14. Ismail Azman Omar, Konsep ruang rumah Melayu 'Dewan Budaya' jilid 1 Bil. 4/79 hal 37

15. Ismail Azman Omar, *Ibid*, hal 38

Walau bagaimanapun, pembahagian ruang-ruang itu bukanlah sepenuhnya dikhkususkan untuk sesuatu jantina. Ia bersifat konseptual sahaja dan bukanlah ertiinya orang lelaki tidak boleh langsung menjedakkan kaki ke dalam ruang kaum wanita dan begitu juga sebaliknya. Malahan, ada ruang yang boleh digunakan oleh kedua-dua jantina, seperti perigi dan dapur.

Ruang-ruang yang terdapat dalam sesebuah rumah tradisional mendokong berbagai-bagai fungsi. Ia dikenali dengan konsep keluwesan. Kenyataan ini disokong oleh Lim Jee Yuan.

'Pada Rumah Melayu ruang mempunyai berbagai-bagai fungsi, penggunaannya ditukar pada hari dan tahun yang berlainan. Dinding dan sekatan dalaman adalah minima, membolehkan penggunaan ruang yang lebih mudah, peredaran udara yang baik dan menerangi kawasan dalaman'.¹⁶

Ruang rumah Melayu juga tidak berbilik kerana masyarakat mementingkan perjumpaan atau berkumpul secara beramai-ramai untuk majlis keramaian, atau upacara keagamaan. Ruang yang tidak berbilik memberi keselesaan kepada penghuni kerana udaranya dapat beredar dan pada waktu malam memberi kelebihan kepada sistem pencahayaan kerana mereka menggunakan pelita.

16. Lim Yee Yuan 1989, Perbandingan antara rumah Melayu tradisional dan rumah moden di kota. *Tamadun Melayu II*, Dewan Bahasa dan Pustaka hal 735

Bagi Zulkifli, pada rumah Melayu juga terdapat konsep ruang umum dan ruang khas. Ruang yang digunakan untuk menyambut tetamu, upacara adat, kematian dan aktiviti lain dianggap sebagai ruang umum. Bilik atau rumah ibu dianggap sebagai ruang khas , tidak boleh masuk tanpa izin dari ahli keluarga.

Jadual 4 menunjukkan konsep ruang, jenis ruang dan aktiviti ruang menurut pandangan Zulkifli.¹⁷

Jadual 4

Bahagian Ruang	Jenis Ruang	Konsep	Aktiviti
Depan	Anjung/Serambi	Umum	Menerima
Tengah	Bilik/Ibu	Khas,	tetamu,
Belakang	Rumah Kelek anak/ Dapur Pelantar	Spara Khas Umum Wanita Umum	kenduri kendara Untuk anak gadis/wanita Wanita Aktiviti dapur

Norma perlakuan menentukan sempadan ruang yang harus dijaga, dipelihara dan dihormati anggota-anggota rumah tangga supaya tidak melampaui batas.

17. Zulkifli Hanafi- *Opcit* -hal.34

Bagi Sherwin, ruang-ruang dalam rumah Melayu terdiri daripada ruang anjung dan serambi, ibu rumah, bilik tidur, dapur, ruang memasak dan pelantar.¹⁸

Dalam pada itu ruang-ruang rumah Melayu juga boleh dibahagikan kepada ruang hadapan, ruang tengah dan ruang belakang. Ruang hadapan berfungsi sebagai tempat untuk menerima tetamu lelaki, biasanya di bahagian serambi. Ruang tengah khas untuk anggota-anggota keluarga yang biasanya rumah ibu dan bahagian belakang ruang tetamu wanita dan memasak iaitu ruang dapur.

Raja Baharin Shah membahagikan ruang sesebuah bangunan kepada ruang serambi, sebagai ruang pertemuan, rumah ibu untuk penggunaan keluarga dan ruang dapur untuk memasak dan tempat makan.¹⁹

Secara terperinci ruang-ruang yang terdapat pada rumah tradisional Melayu di Terengganu adalah seperti anjung atau sorong, serambi, selasar, rumah ibu, bilik, kelek anak atau serambi dalam, dapur, pelantar atau lambur atau jemuran dan ruang bawah rumah.

18. M.D. Sherwin 1976, *The Malay House*, Majalah Arkitek jilid 1, hal 78. Ruang yang tidak berbilik-bilik menunjukkan bahawa sistem pendidikan pada masa dahulu, anak telah diajar atau dididik supaya tahu 'siapa' kita 'di mana' tempat kita. Dengan kata lain masing-masing tahu tugas dan peranan masing-masing.

19. Raja Baharin Shah Bin Raja Ahmad Shah, 1988, *The Terengganu Timber Malay House*, Kuala Lumpur, Badan Warisan Malaysia, hal 27.

Dalam sesebuah rumah Melayu tradisional terdapat juga ruang yang dianggap sebagai ruang bersih atau kering dan ruang basah atau kotor. Ruang bersih biasanya ruang rumah ibu dan ruang serambi dan ruang basah pula ialah ruang dapur. Konsepsi orang Melayu tentang ruang kotor tidak harus dikaitkan dengan najis dan tahi yang juga dianggap kotor.²⁰

Secara keseluruhannya setiap rumah mestilah mempunyai 3 ruang utama iaitu ruang untuk keluarga, tetamu dan memasak.

Kesimpulannya, pengurusan ruang dalam rumah-rumah tradisional Melayu sedemikian rupa adalah untuk memenuhi kehendak penghuni dan masyarakat berdasarkan sosio-budaya, ekonomi dan agama.

5.2 Fungsi Ruang Rumah Kediaman

Masyarakat Melayu sangat mementingkan keharmonian adat resam dan sopan santun yang tidak bercanggah dengan Islam. Salah satu daripadanya ialah melarang pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Dalam kehidupan bermasyarakat, seseorang itu tidak dapat lari dari berhubung di antara satu sama lain.

20. Mokhtar Ismail, *Opcit* - hal 33

Jalan penyelesaian bagi memenuhi kehendak adat maka wujudlah ruang-ruang dalam sesebuah rumah. Kebiasaanannya ruang untuk golongan lelaki diletakkan di bahagian hadapan dan golongan perempuan di bahagian belakang. Dalam pada itu ada juga yang membahagikan ruang untuk keluarga dan orang luar yang dikenali sebagai ruang dalam dan ruang luar.

'Ruang dalam adalah untuk ahli keluarga dan ruang luar untuk orang lain yang mendatang kerana pelbagai sebab seperti kunjungan, tumpangan, singgah atau sekadar melihat'²¹

Dalam mencapai matlamat dan kehendak-kehendak di atas seseorang itu perlu peka di dalam merangka ruang bagi sesebuah rumah. Pembentukan ruang-ruang itu dapat disempurnakan bergantung kepada kemampuan seseorang itu. Justeru itu, setiap pembahagian ruang mencerminkan kedudukan ekonomi dan status seseorang penghuni. Selain pembahagian ruang, penggunaan ruang dan suasana ruang juga menggambarkan status penghuninya.

Apabila memperkatakan ruang pada rumah-rumah tradisional kita perlu melihat kepada rumah asas dahulu di mana dalam sebuah keluarga asas, bermula daripada sepasang suami isteri.

21. Zainal Kling, *Opcit*, hal- 26.

Pada peringkat awal rumah berfungsi sebagai tempat berteduh atau berlindung untuk keluarga. Apabila anggota keluarga bertambah, keperluan ruang juga bertambah bagi menampung kehendak-kehendak penghuninya.

Pada keseluruhannya, sesebuah rumah tradisional perlu mempunyai tiga ruang utama, iaitu ruang memasak, ruang keluarga dan ruang tetamu. Namun demikian, ruang-ruang dalam rumah Melayu tidak terhad untuk satu-satu aktiviti sahaja malahan mendokong berbagai-bagai fungsi. Oleh itu, ruang-ruang dalam rumah Melayu tidak mempunyai bilik yang tetap.

Kalau ada pun bilik-bilik itu dipasang dengan kain (tabir) pada waktu malam ataupun menggunakan pengadang yang boleh dialih ke mana-mana sahaja. Keadaan begini menunjukkan keperluan sosial dan agama amatlah dititikberatkan.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu terdapat berbagai-bagai upacara dan acara yang berkaitan dengan adat dan agama berlangsung atau berlaku di dalam sesebuah rumah. Upacara ini pula melibatkan orang ramai dan berlainan jantina.

Apabila menyatakan ruang pada rumah tradisional Terengganu, nama-nama ruang yang terdapat juga berlainan berdasarkan kepada bentuk rumah. Keadaan ini disebabkan di Terengganu terdapat berbagai-bagai bentuk rumah tradisional. Namun demikian, dari segi fungsinya tidak berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat satu ruang yang perlu dibicarakan pada sesebuah rumah tradisional Terengganu, iaitu ruang bawah rumah. Ruang ini begitu berguna kepada anggota-anggota masyarakat Terengganu sama ada mereka yang tinggal di pendalaman mahupun di persisiran pantai.

Sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu, jelas ruang pada sesebuah rumah menunjukkan status atau kedudukan ekonomi seseorang pemiliknya. Begitu juga dengan jenis rumah. Pada golongan yang berada, selain mempunyai ruang serambi, rumah ibu dan rumah dapur terdapat pula ruang rumah tengah dan selasar, terutama rumah-rumah jenis Bujang Tiang 12 dan Tiang 16.

Ruang-ruang asas ialah ruang serambi, ruang ibu dan ruang dapur. Ruang-ruang tambahan ialah selasar, rumah tengah, anjung, sorong, sutuh, lambur dan lain-lain.

Secara keseluruhannya ruang-ruang yang dapat ditemui pada rumah-rumah tradisi di Terengganu adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5

RUANG	JENIS RUMAH
1. Lambur	Kebanyakan rumah
2. Sutuh	Kebanyakan rumah
3. Sorong	Limas belanda
4. Beranda	Limas belanda/bujang barat
5. Anjung	Perabung lima
6. Selasar	Rumah bujang berserambi
7. Serambi	Kebanyakan rumah
8. Rumah ibu	Semua rumah
9. Rumah Tengah	Sesetengah rumah
10. Lantai Basah	Rumah bujang berserambi
11. Dapur	Semua rumah
12. Bawah Rumah	Semua rumah

Fungsi Dan Aktiviti Ruang


Lambur ialah ruang terbuka, tidak mempunyai dinding dan atap bagi sesetengah rumah. Kedudukannya di antara tangga dengan selasar, serambi, sorong atau beranda di bahagian hadapan rumah dan di antara tangga dengan dapur di bahagian belakang.

Lambur pada sesebuah rumah berfungsi sebagai tempat berinteraksi secara tidak formal. Kebiasaan ruang ini dijadikan ruang bertenggek terutama semasa berbual-bual dengan jiran-jiran dalam jangkamasa yang pendek. Pada lambur di bahagian belakang kadangkala digunakan oleh golongan wanita untuk berbual-bual pada waktu petang. Keadaan ini berlaku disebabkan kedudukan bahagian dapur sesebuah rumah berlawanan di antara satu sama lain dan setiap rumah pula tidak berpagar.


Dalam pada itu, terdapat golongan penjaja yang menjunjung bakul dan membimbhit raga menjual kuih muih dan sayur-sayuran dari rumah ke rumah dalam kampung. Pada masa dahulu penjaja-penjaja ini meletakkan bakul yang dijunjung di atas lambur semasa urusan jual beli berlaku. Kebiasaannya ketinggian lambur melebihi paras pinggang supaya senang menurun dan menaikkan bakul dari dan ke atas kepala.

Selain itu, biasanya tangga sesebuah rumah tidak disambung terus ke ruang selasar atau dapur. Tujuannya ialah untuk memberi ruang seseorang yang telah keluar rumah apabila pulang ke rumah berhenti sekejap di lambur sebelum melangkah masuk ke serambi atau dapur. Masyarakat Melayu percaya apabila seseorang itu keluar berjalan, maka makhluk halus selalunya akan mengikutinya.

Jadi bagi mengelakkan makhluk ini turut masuk ke rumah, seseorang itu perlu berhenti sejenak supaya makhluk yang mengikutinya boleh pulang semula ke tempatnya dan cara ini dapat mengelak makhluk itu berpindah kepada penghuni lain di rumah terutama sekali kanak-kanak. Memandangkan ruang ini tidak beratap dan berdinding maka senanglah makhluk-makhluk itu lari sewaktu berhenti sejenak. Kedudukan lantainya adalah lebih rendah daripada serambi dan dapur.



Rumah Bujang Barat



Rumah Limas Belanda

Sorong ialah ruang hadapan yang terdapat pada rumah jenis Limas Belanda dan Bujang Barat (rajah). Kebiasaannya bahagian sorong dihubungkan dengan rumah ibu dalam bentuk L. Dari segi kedudukannya ruang sorong ialah ruang yang digunakan oleh golongan lelaki.

Bagi rumah Limas Belanda atau Bujang barat yang tidak mempunyai beranda, ruang ini merupakan ruang menerima tetamu lelaki, ruang ini bolehlah disamakan sebagai ruang serambi. Ruang ini digunakan untuk upacara akad nikah, tahlil dan doa selamat. Kedudukan lantainya adalah sama tinggi dengan lantai rumah ibu. Sesetengah keadaan, ruang sorong juga dianggap sebagai sebahagian daripada rumah ibu kerana tiada dinding pemisah, terutama rumah Limas Belanda dan Bujang Barat yang mempunyai ruang beranda. Kadangkala ruang ini digunakan sebagai ruang tidur kepada ketua rumah dan sebagai tempat menyimpan barang-barang berharga. Sekatan untuk ruang ini hanya dilakukan dengan penghadang atau tabir kerana tiada dinding pemisah terutama rumah Limas Belanda. Pada Istana Tengku Long Besut, ruang sorong dijadikan ruang rasmi di mana ia digunakan untuk meraikkan kunjungan tetamu kehormat.

Ruang Beranda ialah ruang yang menghubungkan tangga dengan sorong dan ibu rumah. Kedudukan lantai beranda adalah lebih rendah kira-kira satu pertiga meter. Kebiasaanya ruang ini mempunyai dinding atau kisi-kisi setinggi satu meter. Bagi rumah yang mempunyai beranda, ruang ini berfungsi sebagai tempat meraikan tetamu lelaki, tempat mengajar Quran dan tempat berehat golongan lelaki pada waktu petang di samping menjadi tempat tidur anak-anak muda pada waktu malam. Bagi golongan nelayan tempat ini digunakan untuk membaiki jala dan peralatan menangkap ikan.

Selain ruang sorong dan beranda, pada sesetengah rumah terdapat ruang anjung. Ruang ini biasanya digunakan oleh kaum lelaki untuk menjalankan kerja rumah seperti menganyam bakul, membubul jaring dan sebagainya. Kedudukan ruang anjung ialah di antara tangga dan serambi.

Kebanyakan rumah tradisional mempunyai ruang serambi. Di negeri Terengganu rumah-rumah yang mempunyai lantai serambi sama tinggi dengan lantai rumah ibu dikenali sebagai Rumah Berserambi, terutama jenis rumah tiang 12 dan 16. Pada rumah berserambi terdapat satu lagi ruang, iaitu selasar. Lantai selasar jauh lebih rendah daripada lantai rumah ibu dan serambi. Lumrahnya terdapat sebuah tangga yang menghubungkan selasar dengan serambi dan selasar dengan tanah.

Di Terengganu, rumah-rumah yang mempunyai selasar ialah rumah orang-orang alim dan berstatus tinggi. Tinggi rendah lantai dapat menunjukkan perbezaan kedudukan tuan rumah dengan tetamu.

Ruang selasar selalunya digunakan sebagai tempat menerima tetamu yang tidak sama taraf sosial, tempat mengajar anak-anak mengaji Quran manakala bagi rumah guru-guru agama dan orang alim serambi digunakan sebagai ruang pelajar-pelajar menadah kitab (belajar kitab) atau mendengar syarahan agama.

Ruang selasar biasanya tidak mempunyai dinding dan kalau ada pun dinding hanyalah separuh, kecuali bahagian bilik. Bilik ini selalunya terletak di bahagian matahari naik, yang digunakan sebagai tempat tidur tetamu keluarga jauh.

Kebanyakan rumah tradisional, ruang serambi dijadikan ruang perantaraan di antara rumah ibu dan luar rumah. Ruang ini dibina sama ada berdinding penuh ataupun separuh. Kedudukan lantai serambi biasanya lebih rendah daripada lantai rumah ibu, kira-kira satu hasta (kira-kira 0.5 meter). Oleh itu, satu anak tangga yang dikenali 'pelapik' atau 'kekuda' diadakan agar tidak terlalu tinggi untuk melangkah keluar masuk dari rumah ibu ke serambi dan sebaliknya.

Ruang ini dikenali sebagai ruang hadapan berdasarkan kedudukannya dan ia dianggap sebagai ruang yang aktif. Banyak aktiviti berlangsung di ruang ini. Selain itu, ruang ini juga dikenali sebagai "ruang lelaki" kerana ruang ini keseluruhannya digunakan oleh kaum lelaki. Ruang ini juga digunakan untuk berehat dan tidur anak lelaki. Oleh kerana ruang ini dianggap terbuka, maka majlis-majlis yang berkaitan dengan adat dan agama seperti majlis perkahwinan, berzanji dan bertahlil selalu diadakan di ruang ini.

Bagi rumah orang alim, ruang serambi digunakan untuk mengajar ilmu agama dan membaca Quran kerana ada kaitan dengan Islam. Dalam Islam, rumah merupakan lanjutan daripada masjid.

Bagi kaum nelayan, ruang serambi digunakan sebagai tempat 'membubul' pukat, menyirat jala dan menganyam bakul. Ruang serambi dan selasar menjadi tempat berteduh dari hujan terutama musafir yang melalui kawasan itu. Islam menganggap melayan dan memberi tempat berteduh kepada musafir adalah satu ibadat.

Kesemua ruang yang dibicarakan sebelum ini ialah ruang-ruang formal, hadapan atau ruang lelaki yang digunakan untuk keperluan sosial dan agama. Ruang serambi selalunya dibatasi atau dilindungi dengan dinding.

Bagi rumah-rumah berserambi, ruang serambi adalah sebahagian daripada rumah ibu kerana lantainya sama tinggi dan tidak ada batas ruang iaitu dinding. Kebanyakan rumah berserambi terdiri daripada rumah jenis bujang (tiang 12 dan 16). Oleh itu ruang ini dijadikan ruang ibu atau ruang tengah.

Ruang Tengah pada rumah-rumah tradisional Terengganu terdiri daripada rumah ibu. Walau bagaimanapun, bagi golongan berada kadangkala terdapat ruang tambahan untuk ruang tengah yang terdiri dari ruang tengah. Kedudukan ruang tengah ialah di antara ruang hadapan (serambi, selasar, beranda, sorong dan anjung) dengan ruang belakang (dapur).

Keseluruhan penggunaan ruang ini khas untuk keluarga atau orang dalam sahaja. Walau bagaimanapun, ruang ini dianggap 'private', kadangkala berubah menjadi separuh 'publik' apabila upacara-upacara tertentu dilakukan, terutama apabila melibatkan ramai orang dan memerlukan ruang yang luas.

Oleh kerana ruang ini dianggap 'private', pasif, dalam dan tengah, maka ia dibatasi dengan dinding yang memisahkannya dengan ruang umum/hadapan (lelaki) dan ruang belakang (perempuan, aktif). Untuk rumah bujang berserambi, kebiasaananya serambi dalam yang menghubungkan dengan rumah tengah terdapat lantai lebih sekitar 0.75 meter yang dikenali rembak.

Ketinggian aras lantai rumah ibu menggambarkan kepentingan ruang ini dan tahap-tahap 'privacy' berbanding dengan ruang-ruang lain pada sesebuah rumah.

'The importance of the rumah ibu is expressed by its floor level being the highest in the house' ²²

Rembak berfungsi sebagai tempat minum pagi bagi anggota-anggota keluarga dan sebagai tempat duduk ketua keluarga atau orang yang lebih dewasa sewaktu beistirehat dengan anggota-anggota keluarga.²³

Pada rumah ibu bagi rumah Bujang Berserambi, ruang ini dijadikan ruang bermesyuarat dan berbincang di kalangan anggota-anggota keluarga, tempat tidur, berehat dan sebagainya. Ruang ini sangat penting pada sesebuah rumah sebagaimana kata Raja Bahrin Shah.

'This is symbolic of the importance of the Rumah Ibu, which is considered sacred and contains the main family sleeping, living and praying area. This innermost part of the house is also the most sacred territory used normally by family members. It is the heart of the house'.²⁴

22. Lim Jee Yee, *Opcit*, hal. 36

23. Tuan Haji Othman Bin Haji Ali, ahli sejarah, 70 tahun

24. Raja Bahrin Shah, *Opcit*, hal. 28

Ruang ini juga ditempatkan pentas pelamin untuk upacara persandingan. Pentas ini dibina di bahagian matahari naik. Selain itu, ruang ini digunakan juga untuk upacara berinai, memandikan jenazah, mengkafarkan jenazah dan sembahyang jenazah. Upacara-upacara lain yang dilakukan di ruang ini ialah untuk mengadakan upacara berkhatan, bertindik dan mengubat orang sakit. Kadangkala ruang ini dijadikan sebagai tempat tidur utama bagi saudara perempuan yang datang dari jauh.

Selain rumah ibu, terdapat satu lagi ruang pada bahagian tengah rumah, iaitu rumah tengah. Rumah tengah biasanya dicantumkan dengan rumah ibu. Bagi rumah berserambi, lantai rumah tengah lebih rendah daripada lantai rumah ibu. Di bahagian rumah tengah terdapat sebuah bilik untuk ketua keluarga. Bilik ini di samping menjadi tempat tidur, juga digunakan sebagai tempat menyimpan barang-barang berharga. Kepada tetamu perempuan yang belum berkahwin selalunya tidur bersama-sama anak gadis di ruang ini. Untuk memberi keselesaan, tabir dipasang pada waktu malam. Kadangkala ruang rumah tengah digunakan untuk golongan perempuan bertenun, menjahit pakaian dan menganyam tikar. Pada waktu siang ruang ini digunakan sebagai tempat tidur anak-anak kecil.

Berkenaan dengan bilik yang terdapat pada rumah tengah biasanya dibuat sebelah matahari naik untuk orang dewasa dan bilik di sebelah matahari jatuh untuk kanak-kanak. Dari segi logiknya orang-orang tua akan bangun awal pagi bagi mengerjakan solat subuh dan akan mengejutkan anak-anak mereka.²⁵ Ruang ini juga lebih cepat dimasuki cahaya yang dapat membangunkan mereka yang tidur.

Bagi rumah ibu yang tidak mempunyai rumah tengah biasanya terdapat ruang serambi dalam atau kelek anak. Ruang serambi dalam atau kelek anak mempunyai fungsi yang sama sebagaimana rumah tengah. Serambi dalam digunakan oleh golongan perempuan untuk berehat. Lantai serambi dalam atau kelek anak lebih rendah daripada rumah ibu dan terdapat dinding sebagai pemisah ruang. Pada golongan yang kurang berada sebahagian ruang serambi dalam ini dijadikan ruang dapur. Ruang ini banyak terdapat pada rumah jenis Limas Belanda dan Limas Bungkus (perabung lima).

Ruang lain yang terdapat kepada rumah tradisional ialah ruang belakang (ruang aktif). Ruang ini terdiri daripada ruang dapur, lambur atau pelantar. Walau bagaimanapun, pada sesetengah rumah terdapat satu ruang yang dikenali sebagai 'ruang selang' yang menghubungkan ruang rumah tengah atau serambi dalam atau kelek anak dengan dapur.

25. Norizan binti Abd. Rahim, 1993/1994 , Rumah Wan Embong, kajian lukisan terukur, Jabatan Senibina, Universiti Teknologi Malaysia, hal - 86.

Ruang selang digunakan oleh keluarga sebagai tempat menikmati juadah setiap hari. Fungsi lain ruang ini ialah sebagai tempat mandi orang sakit, perempuan bersalin dan menjadi tempat berwudhu' pada waktu malam.

Pada kebanyakan rumah tradisional Melayu, ruang belakang ialah bahagian dapur. Bahagian ini dikenali juga sebagai 'ruang aktif', 'basah atau kotor' dan ruang perempuan. Ruang ini dikenali sebagai ruang perempuan kerana penggunaanya terdiri daripada golongan perempuan, iaitu sebagai ruang untuk meraikan tetamu perempuan. Ruang ini juga dikenali sebagai ruang aktif kerana di sinilah pusat aktiviti dilaksanakan, seperti menyediakan makanan untuk keluarga dan juga menjadi tempat jamuan anggota-anggota keluarga. Di dalam ruang ini terdapat dapur dan tempat menyimpan barang-barang makanan dan pinggan mangkuk. Dalam masyarakat Melayu, sebelum upacara peminangan diadakan, acara merisik dilaksanakan dahulu. Upacara ini biasanya melibatkan golongan perempuan maka upacara ini selalunya berlaku di ruang dapur.

Kedudukan lantai dapur biasanya paling rendah kalau dibandingkan dengan aras rumah ibu dan serambi. Sebagaimana bahagian hadapan, terdapat ruang lambur atau pelantar yang menghubungkan ruang dapur dan tangga. Kebiasaannya ruang lambur atau pelantar tidak mempunyai atap dan dinding.

Lantainya pula dibuat jarang-jarang dan diperbuat daripada batang nibung atau batang pinang. Kegunaan ruang ini adalah sebagai ruang menjemur dan membasuh pakaian, membasuh pinggan mangkuk dan periuk kuali di samping sebagai tempat bersantai kaum perempuan pada waktu petang sambil berinteraksi dengan jiran-jiran kerana biasanya lambur bertentangan antara satu sama lain.

Ruang yang terakhir terdapat pada rumah tradisional Terengganu ialah ruang bawah rumah. Masyarakat Melayu Terengganu yang mempunyai rumah bentuk berpanggung atau bertiang sudah tentu terdapat ruang bawah rumah yang boleh dimanfaatkan. Ruang bawah rumah menjadi tempat bengkel dan stor. Berbagai-bagai aktiviti dilakukan di bawah rumah seperti bertukang, sama ada membuat dan membaiki perahu ataupun perabot, membuat atap, menumbuk padi dan kopi, menerap batik, menuang tembaga dan bertenun kain. Selain menjadi tempat bekerja, ruang bawah rumah juga dijadikan sebagai tempat menyimpan barang-barang seperti alat pertanian dan perikanan, kayu api di samping memelihara binatang ternakan agar keselamatan binatang terpelihara.

Selain itu dengan adanya ayam itik di bawah rumah sesetengah masyarakat Melayu percaya sekiranya ada wabak penyakit, ayam itik dahulu diserang penyakit kerana ia berada di bawah dan penghuninya di atas akan terlepas dari wabak tersebut tetapi sekiranya tiada ayam itik, dipercayai penyakit akan terus menyerang penghuni di atas rumah.²⁶

Setelah melihat fungsi-fungsi ruang pada rumah Melayu tradisional, maka eloklah pula dipaparkan kaedah pengwujudan ruang-ruang tambahan pada sesebuah rumah. Satu keunikan terdapat pada rumah Melayu tradisional ialah ruang-ruang baru boleh ditambah di semua bahagian. Ruang tambahan itu boleh diletakkan di sisi rumah utama seperti serambi, selasar bahagian depan anjung, sorong dan beranda. Bahagian belakang ialah ruang dapur secara gajah menyusu ataupun pisang sesikat.

Cara lain menambah ruang ialah dengan menggandakan sama ada ganda satu atau dua. Biasanya ganda satu dikenali sebagai rumah berkembar. Rumah tambahan selalunya dijadikan dapur dan apabila diganda dua akan terbentuklah rumah ibu, rumah tengah dan dapur.

26. Keterangan Wan Asri Wan Mat - Pesanan ibunya supaya membina rumah bertiang. Pengalaman ini diperolehi melalui pengamatan kepada ternakan yang tidur di tempat tinggi dan tempat rendah. Kebiasaanternakan yang tidur di tanah atau di bawah diserang penyakit terlebih dahulu kalau dibandingkan dengan ternakan yang tidur di atas. Perkara ini ada kaitan dengan anggapan benda-benda yang jatuh atau berada di atas tanah adalah kotor.

5.3 Konsep dan Fungsi Ruang Masjid dan Surau

Fungsi masjid yang penting ialah sebagai rumah ibadat dan lambang Islam. Masjid telah diperkatakan sebagai tempat utama dan tempat yang sebaik-baiknya untuk bersembahyang dan beriktitaf dalam ertikata beruzlah dan membaca al-Quran. Kalau ditinjau fungsi masjid yang lebih luas ialah lebih daripada sebagai rumah ibadat, misalnya untuk menyatupadukan umat Islam dan mengukuhkan perhubungan ukhuwah di antara mereka. Kegunaan paling banyak pada sesebuah masjid dan surau ialah sebagai tempat sembahyang. Dalam ibadat sembahyang berjemaah terdapat imam dan makmum. Oleh sebab itu ruang yang perlu ada ialah ruang sembahyang yang merangkumi ruang untuk imam dan makmum.

Masjid sebagai sebuah institusi agama bukan hanya untuk beribadat semata-mata tetapi juga ialah untuk umat Islam mengamalkan keseluruhan aspek kehidupan. Sehubungan itu ruang-ruang yang terdapat pada sesebuah masjid dan surau hendaklah dapat memenuhi keperluan tersebut.

Islam amat mementingkan kebersihan, maka sebelum menyembah Allah, seorang umat perlulah membersihkan pancainderanya terlebih dahulu. Oleh sebab itu, suatu ruang lagi dibina iaitu tempat berwudhu'.

Memandangkan Islam mementingkan perpaduan, maka dalam ibadat sembahyang, para jemaah hendaklah berada dalam saf-saf. Sehubungan dengan itu, ruang sembahyang mestilah berbentuk 4 persegi dan paksi bangunannya pula mestilah menghala kiblat.

Ruang yang paling luas pada sesebuah masjid dan surau ialah ruang jemaah kerana bilangan makmum sentiasa bertambah dari masa ke masa. Dalam ruang sembahyang biasanya tidak banyak tiang. Keluasan ruang masjid berganda lebih besar atau luas daripada surau. Ruang pada sesebuah masjid dan surau dibahagikan kepada dua, iaitu ruang dalam dan ruang luar. Pembahagian ruang ini mengikut penggunaannya.

Ruang luar ialah ruang perantaraan di antara ruang berwudhu' dan ruang utama (sembahyang). Kadangkala pada sesebuah masjid terdapat ruang serambi dan pada kebiasaannya kawasan ini berdinding 1/4 sahaja dan keluasannya hanyalah 1/5 daripada seluruh masjid. Dari segi fungsinya ruang serambi ini digunakan untuk menampung jemaah yang ramai terutama pada ketika sembahyang Jumaat dan Hari Raya.

Selain itu, pada masa dahulu sebelum terdapat kenderaan seseorang itu terpaksa berjalan kaki untuk pergi ke sesuatu tempat. Jadi dalam perjalanan yang jauh musafir memerlukan tempat berteduh daripada panas dan hujan.

Maka ruang serambi ini digunakan oleh musafir untuk berteduh dan bermalam di samping menggalakkan mereka mengerjakan sembahyang. Pada masa sekarang terdapat sesetengah masjid menggunakan ruang serambi untuk mengajar kanak-kanak belajar Al-Quran dan fardu ain.

Ruang utama pada sesebuah masjid dan surau ialah ruang sembahyang berjemaah. Kebiasaannya ruang ini berbentuk empat persegi sama dan empat persegi tidak sama, supaya penggunaan ruangnya optima. Paling minimum ruang ini mestilah dapat menampung 40 orang jemaah. Pembaziran ruang adalah sesuatu yang ditegah di dalam pembinaan sesebuah masjid. Oleh sebab itu, sebelum mengerjakan sembahyang, imam selalu mengingatkan maknum supaya memenuhi dan meluruskan saf. Kesemua ini adalah langkah ke arah menjimatkan ruang di samping sebagai simbol perpaduan dan kekuatan ummah.

Kebiasaannya ruang sembahyang ini dibahagi kepada dua, sama ada dengan menggunakan dinding, penghadang atau kain yang disebut 'tabir' bagi memisahkan maknum lelaki dengan maknum perempuan. Kedudukan ruang maknum lelaki dan perempuan tidak menentu. Pada sesetengah masjid dan surau, maknum lelaki sebelah kanan, maknum perempuan di sebelah kiri, tetapi terdapat juga keadaan sebaliknya.

Walaupun kedudukan maknum lelaki dan perempuan sebelah menyebelah tetapi saf pertama perempuan tidak boleh menyamai saf pertama jemaah lelaki.

Kebiasaannya di dalam ruang sembahyang terdapat ruang untuk imam yang dikenali sebagai mihrab. Kebiasaannya ruang mihrab ini merupakan ruang tambahan yang dibuat khusus pada sesebuah masjid dan surau, dan letaknya hendaklah menghala kiblat. Pada sebelah kanan mihrab terdapat sebuah mimbar sebagai tempat imam membaca khutbah.

Memandangkan Islam mementingkan kebersihan maka sebelum kerja-kerja ibadat dilakukan, tubuh badan hendaklah bersih dan begitu juga dengan tempat sembahyang. Bagi membersihkan anggota wudhu', sebuah ruang disediakan. Kebiasaannya tempat berwudhu' disambung dengan bangunan masjid. Kedudukan ruang ini ialah di antara jalan masuk dan dewan sembahyang. Ruang berwudhu' dibahagi kepada dua, satu ruang untuk lelaki dan satu ruang lagi untuk perempuan. Pada masa dahulu terdapat dua buah 'kolah' untuk mengambil wudhu', satu untuk lelaki dan satu lagi untuk perempuan.

Kolah ialah takungan air untuk memudahkan jemaah mengambil wudhu'.

A. Rashid Budin menyatakan selain sebagai tempat ibadat, masjid juga mempunyai fungsi yang lain,

'Mempunyai tujuan yang lebih untuk penggunaan dan kemudahan umat Islam menimba dan menambahkan lagi ilmu pengetahuannya di dalam berbagai bidang untuk pembentukan rohaniah dan jasmaniah, untuk kepentingan masyarakat umum sama ada sebagai tempat membincang atau melaksanakan rancangan bagi meninggikan ekonomi, pendidikan, pertanian, perdagangan atau seribu satu macam perkara lagi, asalkan tujuan dan hasilnya kelak memberi faedah kepada orang ramai yang ketinggian agama yang dianut'.²⁷

Ismail Ali pula menyatakan

'Pada zaman Rasulullah, institusi masjid sebagai penggerak utama segala aktiviti yang dilakukan oleh Islam'.²⁸

Kebiasaannya surau wujud lebih dahulu daripada masjid. Pada setiap kampung, terdapat sebuah surau tetapi bagi sebuah masjid dikongsi oleh beberapa buah kampung.

Masjid Rasulullah mempunyai empat bahagian. Keseluruhannya berbentuk empat segi tepat. Ruang bertutup terdiri daripada sembilan buah bilik yang diduduki oleh para isteri Rasulullah. Bahagian kiblat dibumbungi atap kerana pada bahagian bertentangan dengan ruang kiblat terdapat bahagian yang berbumbung juga.

27. A. Rashid Bin Budin, 1980, Kuala Lumpur, Masjid, Surau dan Madrasah di Melaka, *Islam di Malaysia*, hal. 138.

28. Ismail Ali, 1981 - Masjid Abidin Kuala Terengganu, dalam majalah *Saujana*, Jabatan Hal Ehwal Ugama Terengganu, hal -17.

Di sinilah orang-orang Muhajirin yang miskin dan tidak bersaudara di Madinah tinggal dan mereka dikenali sebagai ahli suffa.

Menara juga berfungsi sebagai simbol masjid. Menara sesebuah masjid dapat dilihat dari jauh dan dengan ini memudahkan musafir atau penduduk setempat menuju ke masjid untuk menunaikan solat. Di Terengganu kebanyakan masjid dan surau tidak mempunyai menara. Sekali imbas bentuknya seakan-akan rumah kediaman cuma yang beza, adanya tambahan ruang kolah dan mihrab. Bagi masjid yang mempunyai menara, ia digunakan oleh bilal untuk melaungkan azan apabila masuk waktu sembahyang.

Sebelum adanya air paip, setiap masjid dan surau mempunyai sebuah perigi yang membekalkan punca air dan terdapat sebuah palong yang menghubungkan telaga dengan kolah. Palong merupakan saluran untuk memasukkan air dari perigi ke kolah bagi memudahkan jemaah mengambil wudhu'. Perigi memberi kemudahan kepada musafir membersihkan badan. Boleh dikatakan pada suatu ketika keseluruhan masjid dan surau di Terengganu menggunakan timba tembaga untuk mencedok air dari telaga.

Timba ini dibuat oleh tukang tembaga Terengganu.

- Bagi masyarakat Minang, surau dan masjid merupakan tempat tidur kanak-kanak lelaki.
- Pada masa sekarang, menara masjid digunakan sebagai tempat meletak pembesar suara untuk laungan azan.

Selain itu, pada sesetengah masjid dan surau terdapat ruang serambi. Ruang ini digunakan sebagai ruang sembahyang terutama pada waktu sembahyang sunat Hari Raya dan malam Nisfu Syaaban. Ruang ini juga digunakan untuk mengajar kanak-kanak membaca Al-Quran dan Fardhu Ain. Kadangkala ruang ini digunakan untuk musafir bermalam.

5.4 Konsep dan Fungsi Ruang Wakaf

Sesebuah wakaf ruangnya bersifat terbuka untuk digunakan oleh umum. Walau bagaimanapun dari segi konsepnya, bagi wakaf yang mempunyai lantai bertingkat akan wujud dua ruang di mana bahagian lantai di bawah boleh dianggap sebagai ruang kotor dan ruang tinggi adalah ruang bersih. Keadaan ini terjadi kerana pada kebiasaanruang di bawah digunakan untuk duduk atau berehat sahaja sedangkan ruang tinggi digunakan untuk ibadat (sembahyang), jadi ruang di atas sentiasa dipelihara supaya sentiasa bersih. Selain itu, ruang-ruang wakaf tidak disempadani atau dibatasi dinding. Pada keseluruhannya wakaf dahulu tidak berdinding.

Selain wakaf lantai bertingkat, kebanyakannya wakaf yang lebih muda usianya mempunyai satu ruang sahaja iaitu ruang untuk duduk. Ruang itu pula mempunyai lantai berbentuk empat persegi, berbentuk U, bentuk L, dan bentuk E. Pada masa dahulu, ruang wakaf berfungsi sebagai tempat musafir berteduh, tidur dan mengerjakan sembahyang.

Kini, wakaf digunakan sebagai tempat berahat selepas penat bekerja. Jadi, fungsi ruang telah berubah, kalau dahulu untuk musafir tetapi sekarang untuk kalangan orang kampung itu sendiri. Namun demikian, bagi wakaf yang terletak di tepi jalan ia kerap digunakan sebagai tempat berlindung atau berteduh pada hari hujan.

Ketiga-tiga bangunan ini mempunyai ruang-ruang yang tertentu dan mempunyai fungsi-fungsi tersendiri. Pada sesebuah rumah, mesti ada ruang asas seperti ruang keluarga, ruang memasak dan ruang tetamu. Masjid dan surau mesti ada ruang sembahyang untuk imam dan maknum di samping ruang mengambil air sembahyang manakala wakaf pula mesti ada ruang berteduh.

5.5 Ragamhias Pada Bangunan Tradisional

Ragam hias bangunan merupakan salah satu ciptaan tangan orang Melayu yang diwarisi sejak zaman berzaman malah telah wujud seiring dengan senirupa Melayu.

Pada akhir-akhir ini terdapat wakaf yang mempunyai pagar berbentuk kisi-kisi yang bertujuan memberi keselesaan pengguna untuk menyandarkan belakang.

Tradisi ragam hias Melayu terdapat pada kebanyakan budaya kebendaan, seperti yang dinyatakan oleh Halim Nasir

'Ukiran bukan sahaja terdapat pada rumah-rumah tetapi penjelmaan dan penerapannya terdapat juga pada istana-istana raja, masjid, surau, wakaf, pintu gerbang, alat-alat permainan masa lapang, alat pemujaan dan perbomohan, alat muzik tradisi, perabot, pertukangan, alat-alat pertanian, senjata, alat memasak, pakaian, perahu dan kenderaan lain'.²⁹

Pemasangan ragam hias pada beberapa bahagian bangunan adalah untuk memenuhi tujuan tertentu. Ragam hias yang terdapat pada sesebuah bangunan dikenali dengan nama ukiran. Sebelum diteruskan perbincangan tentang tujuan itu, elok dilihat dahulu pengertian Seniukir.

Mengikut Sudarmono Sukijo,

'Seniukir merupakan cabang seni rupa tertua, mempunyai ruang lingkup yang luas dan menyangkut masalah pandangan hidup (falsafah) yang mendasari penciptaannya. Dalam masyarakat tradisional ukiran merupakan suatu bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari masyarakatnya'³⁰

Pada aspek visualnya, seniukir adalah teknik pahatan dan penggoresan pada sesuatu bahan yang digunakan, seperti kayu, logam, kulit, buluh, tempurung, tanduk, tulang, gading dan sebagainya.

29. A. Halim Nasir, 1986, *Ukiran kayu Melayu Tradisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. - 20.

30. Sudarmono Sukijo, 1979, *Pengetahuan Teknologi Kerajinan Kayu*, Direktorkrat Pendidikan Menengah Kejurusan Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta hal - 4.

Mokhtar Ismail berpendapat,

'Hasil-hasil ciptaan ukiran sering mendedahkan falsafah budaya Melayu yang terangkum di sebalik lemen ukirannya yang simbolik. Motif-motif dan elemen-elemen yang dimanifestasikan dalam ukiran tersebut, menggambarkan kepada kita pandangan hidup, riau rasa serta pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri di dalam kehidupan'³¹

Ragam hias kayu telah mencapai suatu taraf seni yang tinggi suatu ketika dahulu di beberapa buah negeri termasuklah di Terengganu sebagaimana penjelasan yang dibuat oleh Syed Ahmad Jamal

'Ukir Melayu sebagai penyertaan daya cipta Melayu dalam bentuk tempat terdapat pada aneka benda seperti di bahagian peralatan kegunaan harian, terutamanya dalam senibina. Negeri-negeri yang terkaya dengan ukiran kayu yang mencapai taraf seni dan kemahiran tinggi ialah Kelantan, Terengganu, Melaka dan Negeri Sembilan'³²

Perkembangan pesat ragam hias terjadi sejak pemerintahan raja-raja Melayu, dimana didapati banyak peninggalan ragam hias yang mempunyai mutu yang tinggi ditemui pada bangunan tradisional seperti istana, rumah, masjid, surau dan wakaf. Oleh sebab itu berdasarkan sejarah didapati golongan bijak pandai (pandai ukir) ini dinaungi oleh istana dan ada sesetengahnya mendapat gelaran Tukang Di Raja.

31. Mokhtar Ismail, *Opcit* - hal - 44

32. Syed Ahmad Jamal, 1976, *Rupa dan Jiwa*, Universiti Malaya K. Lumpur, hal. 33

Tukang-tukang ini memainkan peranan yang penting dalam meninggikan martabat seseorang raja melalui hasil seni ukir mereka, terutama yang terdapat di sesebuah istana. Kenyataan di bawah menjelaskan hal tersebut,

'Pada masa itu dapat dikatakan tidak sempurna seseorang atau orang terkenal jika tidak dilengkapi dengan ukiran-ukiran yang indah. Kepandaian mengukir menjadi tolak ukur ketentuan, ketabahan serta ketelitian seseorang tukang'.³³

Bagi masyarakat Melayu Terengganu sesetengah ukiran dipanggil 'Sobek'.

5.5.1 Fungsi Ukiran

Mengimbau sejarah peradaban di negara ini, didapati seni ukir telah pun wujud semenjak zaman neolitik (zaman batu baru) kira-kira 2,000 tahun dahulu. Pada masa itu tingkat kepandaian hanyalah menghias pasu-pasu tanah dengan cara menggores (membuat jalur-jalur) sewaktu tanah liat masih lembik. Motif-motif yang dihasilkan bersifat perlambangan dan monumental, seperti binatang.

33. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, *Serián Ukiran*, Bahagian Daya cipta, Perbadanan Kraftangan Malaysia Kuala Lumpur., hal. 3

Pada zaman gangsa kira-kira 500 hingga 300 sebelum masehi manusia telah mengukir pada logam, misalnya pada gendang gangsa Dong Son. Motif-motif yang terdapat juga pelbagai seperti geometrik dan binatang.

Kedatangan pengaruh agama Hindu ke alam Melayu dianggarkan pada sekitar abad pertama, telah membawa pengaruh budaya itu ke dalam budaya penduduk tempatan. Perkembangan seniukur pada zaman Hindu telah mencapai kemuncak. Buktinya boleh dikesan pada hasil-hasil pembuatan, misalnya candi-candi, patung, peralatan keagamaan dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan agama itu. Motif-motif yang digunakan adalah tumbuh-tumbuhan, binatang dan manusia. Halim Nasir menjelaskan dalam bukunya,

'Berdasarkan peninggalan yang diketemukan, dapat diketahui bahawa ukiran pada zaman Hindu itu banyak menggambarkan simbol-simbol dewa keagamaan masyarkat dewasa itu. Dalam bentuk ukiran satu penjuru (funtal) 'Kala' dan 'Dewa' selalu menjadi motif ukiran'.³⁴

Pengaruh atau kedatangan Islam ke Tanah Melayu terbukti dari catatan pada batu bersurat Terengganu yang bertarikh 1303. Kedatangan Islam telah mengurangkan pengaruh Hindu dan memperkayakan hasil-hasil seniukir.

Gendang Dong Son dan koleksi pasu-pasu tanah Neolitik yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu

34. Halim Nasir - *Opcit*, - hal 31

Islam melarang umatnya mengubah dan menggambarkan makhluk hidup seperti manusia dan binatang sebaliknya memperkenalkan motif geometri dan kaligrafi di samping motif tumbuh-tumbuhan. Kedatangan Islam telah menambahkan fungsi seniukir.

Secara keseluruhan didapati lima fungsi seniukir pada sesebuah senibina. Pertama seniukir yang terdapat pada sesebuah bangunan adalah untuk kecantikan dan keindahan atau mempunyai fungsi estetika. Kedua, seniukir juga berfungsi sebagai laluan udara keluar masuk agar penghuni merasakan keselesaan pada waktu siang dan malam. Ketiga seniukir juga bertujuan memenuhi sistem pencahayaan iaitu memberarkan cahaya masuk ke dalam rumah sewaktu pintu dan tingkap ditutup.

Kedatangan Islam telah menambahkan satu lagi fungsi ukiran. Ukiran-ukiran yang berbentuk kaligrafi telah diperkenalkan dan dipasang pada bahagian-bahagian tertentu sesebuah rumah dan masjid yang kebiasaannya terdapat pada bahagian atas pintu utama, pintu bilik dan dinding. Ukiran ini terdiri daripada potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith, yang merupakan doa untuk kesejahteraan penghuni di dalamnya dan perlindungan daripada gangguan makhluk lain.

Selain itu, ukiran juga berfungsi sebagai alat keselamatan, terutama yang terdapat pada tingkap besar (sebagai penghadang), selasar (pagar) dan pemegang tangga atau bahagian galah tangga.

Pembentukan sesebuah seniukir menggunakan teknik dan gaya tertentu yang diolah mengikut kehendak dan kreativiti seorang pengukir. Dari segi teknik ukiran, masyarakat Melayu menghasilkan tiga bentuk ukiran sebagaimana dinyatakan oleh Halim Nasir,

'Ukiran-ukiran Melayu biasanya terdiri daripada teknik tebuk atau sobek, digelar tebuk tembus, tebuk separuh dan tebuk timbul'. 35

Di samping itu, terdapat satu lagi jenis ukiran yang dikenali sebagai '*tebuk tembus silat*'. Kebiasaannya papan ditebuk mengikut ukiran bagi menunjukkan bahagian yang timbul dan tenggelam. Bahagian yang menindih serta cengkung keluar ditimbulkan, manakala bahagian yang cengkung ke dalam ditenggelamkan. Apabila siap, ukiran itu kelihatan hidup dan segar. Silat ada pelbagai rupa seperti silat bunuh juring atau penjuru, silat belah rotan dan silat sodok.

35. Halim Nasir, *Ibid*, hal 31

* Adanya ukiran sebagai penghadang daripada kanak-kanak terjatuh apabila bermain di kawasan tingkap besar dan semasa di atas tangga.

* Silat ini merujuk kepada ukiran yang mempunyai lingkaran yang bertindih atau berlapis antara satu sama lain.

Selain itu, ukiran kayu pula berasaskan salah satu daripada dasar iaitu ukiran dasar biasa, ukiran dasar timbal balik beribu dan ukiran dasar timbal balik tanpa ibu.

5.5.2 Pola Ukiran

Apabila membicarakan pola ukiran kita tidak dapat pisahkan daripada membicarakan tentang motif dan teknik penyusunan hiasan. Mengenai penyusunan pola dan motif dalam seni ukir Melayu tradisi, Halim Nasir menjelaskan

'Pola-pola pada ukiran kayu juga memperhitungkan faktor-faktor lain yang bersangkut paut dengan adat resam, agama, kepercayaan aminisme, nilai dan norma hidup, keindahan, keharmonian dan lain-lain lagi yang berkaitan'³⁶

Pola Bujang

Pola Bujang dikenali sebagai pola putu di mana motifnya boleh berdiri sendiri kerana memiliki gaya bebas. Kebiasaananya pola ini mengambil motif-motif dari flora, kosmos dan adakalanya fauna. Motif-motif flora biasanya terdiri daripada tampuk manggis, bunga cengklik, bunga lawang, daun petola, bunga tikam seladang, bunga emas dan sebagainya. Motif kosmos biasanya bentuk matahari, bulan dan bintang.

36. Abd. Halim Nasir, *Ibid*, hal - 95

Motif fauna pula ialah itik, semut dan lebah. Pola-pola begini banyak kedapatan pada dinding rumah. Seniukir jenis ini berfungsi bukan sahaja untuk kecantikan, tetapi juga untuk memberi laluan udara dan cahaya keluar masuk ke dalam rumah.

Pola Pemidang/Pola Bingkai

Pola Pemidang atau disebut pola bingkai menggunakan unsur-unsur sederhana, pergerakannya tidak banyak berbelit atau berlingkar dan mempunyai pemidang atau bingkai. Biasanya motif pola pemidang lebih bersifat estetik dengan pengertian-pengertian tertentu.

Motif-motif pola pemidang yang sering digunakan ialah itik pulang petang, semut beriring, lebah bergantung, bunga-bungaan dan geometri. Dari segi fungsinya pola pemidang ialah untuk pengudaraan, pencahayaan, perhiasan dan keselamatan. Pola itu banyak kedapatan pada bahagian dinding, selasar, sebelah atas pintu istana, serambi, galah tangga dan dinding bilik. Kadangkala motif ini terdapat pada penutup bendul dan cucuran atap. Pada masjid pula pola ini terdapat pada mimbar.

Pola Lengkap/Pola Induk

Pola ini menggambarkan keseluruhan unsur dalam satu bentuk ukiran yang lengkap. Halim Nasir menyatakan pola lengkap ialah:

'Pola yang menggabungkan semua unsur dalam satu bentuk ukiran yang lengkap. Pola ini lebih menitik beratkan unsur-unsur tumbuh-tumbuhan kerana sifatnya lebih lembut atau mudah disusun. Sistem penyusunannya berlingkar-lingkar, berpiuh-piuh, bersilat, bergulung-gulung, berawan larat dan sebagainya'.³⁷

Mokhtar Ismail pula menyatakan pola lengkap ialah,

'Pola yang menitik beratkan unsur-unsur tumbuhan yang terdiri daripada akar, batang, bunga, putik, buah dan sulur yang disusun secara sistem susunan bingkai, berawan larat, berlingkar, berputar-putar'.³⁸

Kebanyakan pola lengkap bermotifkan tumbuhan seperti pucuk kacang, pohon ketola, daun sayap, bunga dala dan kadangkala dengan motif kaligrafi. Fungsi pola lengkap adalah sebagai pengudaraan, percahayaan dan pelindung atau doa kepada penghuni. Pola ini banyak kedapatan di bahagian atas pintu utama, tingkap, lain-lain pintu seperti pintu bilik tidur, pintu belakang dan juga pada bahagian dinding. Pada masjid, pola ini kedapatan pada tempat-tempat yang sama sebagaimana rumah cuma tambahan pada mimbar.

37. Halim Nasir, *Ibid*, hal - 99

38. Mokhtar Ismail, *Opcit*, hal - 48

Unsur-unsur yang terdapat pada ukiran kayu, pada bangunan tempatan ialah flora, kosmos, geometri dan kaligrafi, kadangkala terdapat juga unsur-unsur fauna yang diukir secara simbolik. Unsur yang paling banyak pada rumah ialah berbentuk flora dan pada masjid banyak kedapatan unsur-unsur kaligrafi. Pemilihan unsur perlu dilakukan dengan rapi supaya bersesuaian dengan kehendak perseorangan dan juga kehendak masyarakat supaya tidak bercanggah dengan peraturan atau nilai-nilai sosial dan adat resam masyarakat Melayu.

5.5.3 Motif Seniukir Melayu

Motif perhiasan yang diukir biasanya dibuat dalam bentuk dua ataupun tiga dimensi yang disusun dan digubah menjadi pola atau corak hias tertentu, kebiasaannya corak hias yang mengandungi makna dan falsafah tertentu.

Motif yang paling banyak ditemui pada seniukir ialah motif tumbuh-tumbuhan. Jenis tumbuhan yang dipilih ialah sulur kacang, bunga tikam seladang, bunga dala, sulur gadum, bunga ketola, bunga ketumbit, ketam guri, kerak nasi, bayam peraksi dan sayap bunga petam, bunga tanjung, bunga kenanga dan pucuk rebung. Di samping motif flora, kadangkala dimasukkan juga motif fauna seperti semut beriring, itik pulang petang, burung borak dan lebah bergantung.

Selain motif tumbuh-tumbuhan, terdapat pula motif geometri. Unsur-unsur geometri biasanya berbentuk tumpal, iaitu bentuk bersegi, segitiga, bujur dan kadangkala dalam bentuk piling berganda iaitu huruf S berderet-deret. Terdapat ukiran berbentuk jejala tebuk. Pada sesetengah bangunan terdapat ukiran yang mempunyai motif geometri, seperti pecah lapan, pecah enam, pecah empat dan bulat.

Kedatangan Islam telah memperkayakan motif seniukir Melayu. Islam tidak membenarkan umatnya mengukir gambaran manusia dan binatang, tetapi memperkenalkan bentuk kaligrafi yang terdiri daripada ayat Quran, syair dan hadith yang dikenali sebagai Seni Khat. Jenis-jenis khat ialah Kufi, Naskah, Thulus, Farisi, Dewani, Arrahaini, Al-Muhaqiq dan Arriqi. Fungsi ukiran jenis ini ialah untuk kemasukan cahaya, estetik dan doa-doa untuk penghuninya. Kebanyakan ukiran motif ini terdapat pada bangunan masjid dan surau di samping rumah kediaman orang-orang alim.

Apabila diteliti, kesemua motif ini mempunyai konteks dengan pemahaman orang Melayu mengenai ketuhanan dan alam ciptaan Tuhan. Sehubungan dengan itu setiap motif mempunyai makna simbolik di sebalik bentuk ukirannya.

Mohamad Fakrul Razy menyatakan;

'Mereka yakin setiap simbolik ada pada ukiran, setiap kejadian ada unsur simboliknya pada motif ukiran mereka. Bentuk yang berupa bunga-bungaan atau tumbuh-tumbuhan dan daun mempunyai erti tersendiri. Adapun unsur-unsur yang digunakan sebagai ukiran ialah kuntum bunga, daun dan tangkai-tangkai'.³⁹

Alam sekitar dan adat istiadat menjadi sumber inspirasi serta memberi ilham pada seniman Melayu untuk melahirkan idea mereka dalam bentuk ukiran,

'Kehidupan yang berdampingan dan berhubung dengan alam, akan kuat mempengaruhi manusia dalam mencipta seni. Bentuk organik yang lengkung, lirik melirik, diwarnai dengan kecerdasan, seni merupakan sebahagian dari kehairahan hidup, seni yang penuh keyakinan. Tumbuhan digambarkan dengan jumlah ketekunan, kenikmatan dan apabila seni yang bukan semata-mata peniruan alam, maka arahnya menuju kepada penambahan yang sifatnya menjadi lebih hidup, iaitu mencipta dengan cara berlebih-lebihan keadaan alam supaya menjadi seindah mungkin. Alam merupakan pancaran hidup malah sebagai sumber utama untuk dihayati. Konsep keindahan, sopan santun, budi pekerti sering dikaitkan dengan sumber alam. Alam juga dijadikan sebagai perbandingan dengan tingkah laku kehidupan manusia'.⁴⁰

Secara simbolis dapat difahami alam dijadikan bertingkat-tingkat dan tiap-tiap tingkat itu mempunyai hakikat dan rahsia yang tersendiri.

39. Mohammad Fakrul Razy, 1980 , *Majalah Dewan Budaya*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal-15.

40. Siti Zainon Ismail, 1986, *Reka bentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal-51

Oleh sebab itu proses mencari dan mengenali rahsia itu, manusia telah diperluaskan jiwanya hingga mampu menyingskap rahsia penciptaan alam, baik alam besar⁴¹ dan alam kecil⁴² melalui ilham motif menggunakan motif-motif tertentu yang digubah secara simbolik seperti pokok, daun, bunga, sulur dan akar.

5.5.4 Simbolik Pada Ukiran

Setiap hiasan pada ukiran, sama ada motif bunga-bungaan atau tumbuh-tumbuhan dan fauna mempunyai unsur-unsur simbolik yang dapat dikaitkan dengan alam pemikiran orang Melayu. Mereka menyedari bahawa setiap tumbuhan, bunga-bungaan yang berbagai rupa dan warna mempunyai pengertian yang lebih jauh dari keindahan luaran sahaja.

Sebagai contoh kuntuman bunga yang berkembang membawa erti kesegaran dan kegembiraan dalam kehidupan seperti yang terpancar di sebalik keindahan dan kesegaran bunga tersebut (Rajah 47). Apabila dipadankan pada bangunan, maka akan menambahkan seri sesebuah bangunan di samping sebagai simbol ketenangan kehidupan penghuninya.

41. Alam Besar ialah sekelian yang dijadikan Allah

42. Alam Kecil ialah kejadian insan



Rajah 47

Motif Bunga Kembang



Rajah 48

Motif Bunga Kuncup

Bagi kuntuman bunga yang kuncup (Rajah 48) pula melambangkan kesedihan dan kesengsaraan, di samping melambangkan kematian. Dalam pada itu kedudukan daun juga memberi erti kepada kehidupan. Ukiran dan susun, iaitu daun-daun yang disusun bertindih dan sambung menyambung yang melambangkan kasih sayang antara suami isteri, kerukunan rumah tangga dan keluarga.

Ukiran daun tunggal iaitu daun sehelai tidak bersambung atau bertindih, seperti ukiran bunga kundur, tampuk manggis melambangkan peribadi yang kuat. Kekuatan itu dapat dimanfaatkan dan berguna kalau dilengkapi dengan ilmu pengetahuan. Selain itu, ukiran daun tunggal berbentuk hujung daun tunduk (Rajah 49) melambangkan jiwa manusia. Ukiran daun bermotif hujung daun sujud (Rajah 50) melambangkan sifat orang Melayu yang sentiasa merendah diri. Ukiran daun bercantum atau bertemu, iaitu hujung satu-satu daun bertemu dengan hujung daun yang lain melambangkan kehidupan bermasyarakat, keakraban dan persaudaraan hendaklah dijalin dengan sunguh-sungguh antara semua pihak sehingga wujud kesefahaman dan keharmonian dalam kehidupan. Dalam menjalani kehidupan, manusia juga memperhatikan tumbuhan bukan sahaja pada daun dan jenis pokok tetapi juga pada dasar pokok tersebut, iaitu akar sebagai asas penghidupan. Pada ukiran Melayu terdapat motif-motif akar seperti akar pakis, akar rotan dan akar tunjang.



Rajah 49 Motif Hujung Daun Tunduk

Melambangkan jiwa orang Melayu merendah diri, setiap perbuatan dimulai dengan niat dan akhirnya tunduk pasrah kepada Allah S. W. T.



Rajah 50 Motif Hujung Daun Sujud

Melambangkan manusia tetap menyembah dan menghambakan diri kepada pencipta, kerana manusia bersifat lemah dan pasti kembali kepadaNya.

Bentuk ukiran akar pakis yang menggunakan garis lengkung dan hujungnya berlingkar (spiral). Ukiran akar rotan juga menggunakan garis lengkung tetapi hujungnya tidak berlingkar. Ukiran akar tunjang pula menggabungkan kedua-dua elemen di atas di mana bahagian hujungnya ada yang berlingkar dan ada yang tidak berlingkar.

Dari aspek perlambangan, akar pakis melambangkan kehidupan yang akhirnya kembali kepada yang satu, yakni Yang Maha Kuasa, Tuhan sekalian alam. Lingkaran yang berbentuk "spiral" pada hujung setiap ukiran mencerminkan tingkat 'alam', yakni alam dunia, alam kubur dan alam akhirat. Oleh itu, lingkaran tersebut mestilah sekurang-kurangnya tiga lingkaran dan kalau lebih lingkaran itu mestilah dalam angka ganjil. Ukiran akar rotan melambangkan kehidupan yang harus berkembang. Rotan walaupun kecil batangnya tetapi liat dan kuat. Walaupun tumbuh di celah-celah pohon lain, ia boleh memanjang dan berusaha meletakkan pucuknya melebihi pohon lain. Ukiran ini menjadi petunjuk kepada manusia yang mengalami kesusahan, tetapi untuk hidup mereka harus berusaha sehingga berjaya.

Ukiran akar tunjang melambangkan tempat berpijak, dasar hidup seseorang manusia. Setiap seorang harus mengetahui dan mengenali bahawa dalam kehidupan ada peraturan, kepercayaan dan adat yang perlu diikuti. Kesemua ini penting agar seseorang itu dapat berpijak pada landasan yang betul.

Kepada orang Melayu, bunga memberi banyak pengertian dalam kehidupan. Justeru itu, dalam menghasilkan ukiran, motif-motif bunga kerap digunakan. Bunga melati dan bunga melur melambangkan kesucian. Bunga ini banyak digunakan dalam upacara adat dan perubatan. Bunga kundur melambangkan ketabahan dalam hidup. Bunga ini sering dilihat di dalam semak dan bersifat tahan lasak hidupnya. Bunga cengkik dan tampuk manggis, melambangkan kemegahan. Bunga hutan melambangkan keanekaragaman dan kepelbagaian dalam kehidupan bermasyarakat. Kepelbagaian adalah dari segi jantina, usia, taraf dan perangai. Pucuk rebung pula melambangkan kesuburan dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia. Satu lagi motif yang popular dalam ukiran Melayu ialah awan larat. Menurut Siti Zainon awan larat ialah;

'Dasaran kepada susunan motif bunga-bungaan tertentu yang diambil dari alam tumbuhan, lengkap dengan akar umbi, sulur, ranting, bunga, putik dan daun. Motif-motif ini disusun saling berulang. Pengulangan susunan motif merupakan susunan paling penting (iaitu saling mangadap ke muka, ke bawah dan ke atas) dan susunan motif diulang keumbi meningkat arah yang berlawanan'⁴³

(43) Siti Zainon, 1985 , *Getaran, Jalur dan Warna*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, hal - 39.

Perkataan awan larat merujuk kepada konsep awan berarak, iaitu awan yang bergerak yang bermula dari satu titik dan merebak kepada lebih daripada satu, sehingga memenuhi ruang. Hiasannya berupa dedaunan, bunga dan kuntum. Ukiran awan larat melambangkan sifat lemah-lembut dalam pergaulan dan kebolehan menyesuaikan diri di mana sahaja. Pada pola awan larat terdapat pengertian lingkaran hidup seseorang dalam masyarakat Melayu. Sebagai contoh, kehidupan seseorang manusia, bermula dari kedua ibu bapa (umbi/benih) kemudian dilahirkan, dibesarkan dan berkahwin. Kemudian melahirkan anak dan akhirnya mati. Kesemua ini dilambangkan dengan sulur yang tunduk ke bawah.

Walaupun motif binatang tidak digalakkan dalam Islam, namun ada juga pengukir yang mengukir ukiran bermotif fauna tetapi tidak memberikan gambaran binatang yang jelas. Jenis binatang yang diukir dan mempunyai makna dalam kehidupan ialah semut beriring, itik pulang petang dan lebah bergantung.

Ujung garis yang melingkar, merupakan perjalanan hidup manusia yang tidak ada hentinya. Mereka berada dalam lingkaran usaha dan nasib. Sulur mendaki melambangkan harapan, keluk turun pula menggambarkan harapan yang tidak selalunya termakbul sementara keluk campur/pilin melambangkan kegigihan.

Ukiran semut beriringan melambangkan sifat atau sikap kerjasama, kerukunan dalam masyarakat dan murah rezeki. Ukiran itik pulang petang memberi makna kerukunan, ketertiban, sopan santun dan disiplin yang kuat, di mana orang bawah mesti menghormati orang di atas dan yang di belakang tidak boleh melintasi yang di hadapan. Jadi, dalam kehidupan mesti ada peraturan. Ukiran lebah bergantung melambangkan permuafakatan dan kerjasama dalam sebuah keluarga dan masyarakat. Manusia hendaklah mengikut tabiat lebah yang sentiasa kuat bekerja dan bekerjasama membina sarang mereka.

Dalam motif kosmos pula terdapat unsur dalam bentuk bintang pecah lapan, pecah enam, pecah empat dan bulat. Motif pecah lapan melambangkan mata angin iaitu Timur, Barat, Utara, Selatan, timur laut, tenggara, barat daya dan barat laut. Motif pecah enam melambangkan rukun Iman dan motif pecah empat melambangkan 4 sahabat atau khalifah iaitu Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali atau melambangkan empat penjuru mata angin (Timur, Barat, Utara dan Selatan).

Selain seniukir masyarakat Melayu juga membuat lubang angin atau cahaya bertujuan memasukkan udara dan cahaya dan diperbuat dalam bentuk segi lapan, enam, bulat dan bujur telur. Ada juga lubang angin yang diperbuat dalam bentuk jalinan silang untuk kisi-kisi ataupun kayu larek. Lubang angin bentuk bulat melambangkan bulan purnama (penuh) yang dipercayai memberi sinar kepada penghuni.

5.5.5 Peralatan Membuat Ukiran

Bagi membentuk suatu ukiran, seseorang tukang itu memerlukan beberapa jenis peralatan, seperti di bawah:-

1. Gergaji Belalang

Alat ini digunakan untuk memotong dan membuat lengkungan pada kayu dengan ukuran 0.60m panjang dan 1.3m lebar.

2. Cetar atau beliung

Tukang menggunakan alat ini untuk kerja-kerja kasar sebelum kayu diukir, ukuran mata cetar 50mm lebar dan pemegang sepanjang 20sm.

3. Gergaji mengerong

Alat ini digunakan untuk membuat lekukan dan ukiran tebuk tembus.

4. Ketam

Pengukir-pengukir menggunakan alat ini untuk melicin dan membuat alur. Ukuran ketam ini 50mm dan 63mm lebar mata.

5. Pahat Ukir

Terdapat berbagai jenis dan ukuran pahat yang digunakan oleh pengukir-pengukir. Pahat ini digunakan untuk melubangi, mengukir dan melicin permukaan kayu yang telah diukir. Ukuran pahat ialah 25sm dan 20sm.

6. Tukul Kayu

Tukul kayu digunakan untuk kerja-kerja mengukir dengan ukuran sederhana. Biasanya tukul ini diperbuat daripada kayu ciku, limau dan jambu.

7. Pisau Wali

Pisau ini digunakan untuk mengorek, mencungkil dan melicinkan bidang yang diukir. Berbentuk bulat, bengkok dan panjang. Ukuran 7.5sm hingga 12.5sm.

8. Daun Mempelas dan Daun Lalang

Daun ini digunakan untuk melicin dan menghaluskan ukiran yang diukir.

9. Kulit Pari

Sebahagian pengukir menggunakan kulit pari sebagai kertas pasir bagi melicinkan bahagian yang diukir. Bahan ini diperolehi daripada ikan pari kemudian dijemur. Pengukir-pengukir memilih kulit ikan ini kerana kulitnya mempunyai tekstur halus dan kasar.

10. Berus

Berus ini diperbuat daripada sabut kelapa yang bertujuan untuk membuang dan membersihkan sisa ukiran dan membuang kotoran pada bidang atau papan yang telah diukir sebelum membuat penyudahan 'finishing'.

5.5.6 Tataletak Seniukiran Pada Bangunan Tradisional

Adalah sukar untuk menentukan tata letak ukiran pada sesebuah senibina. Walau bagaimanapun, sesuatu masyarakat itu ada caranya tersendiri, sebagaimana dijelaskan oleh Halim Nasir,

'Pada zaman dahulu rumah-rumah Melayu yang berukir mestilah mengikut aturan tertentu dan ukiran-ukiran tersebut harus ditetapkan pada bangunan rumah agar ukiran itu nanti tidak bercanggah dengan tataletak ukiran yang berhubung dengan adat resam, kepercayaan, nilai dan sebagainya'⁴⁴

Jika diperhatikan, bentuk sesebuah senibina adalah seakan-akan sebuah kotak yang tertutup. Untuk memberi keselesaan kepada penghuninya maka sistem bukaan dicipta bagi memberi laluan kepada udara dan cahaya matahari agar keadaan dalam bangunan sejuk dan tidak gelap apabila bukaan sebenar, iaitu pintu dan tingkap ditutup.

Masyarakat Melayu telah mencipta ukiran sebagai sistem pengudaraan dan pencahayaan. Pada sesebuah senibina bahagian yang paling banyak terdapat seniukir ialah dinding atau badan rumah.

44. Halim Nasir, *Opcit*, hal - 115

Ukiran berbentuk khat terdapat pada bahagian atas pintu utama, pintu bilik dan dinding hadapan. Ukiran motif lebah bergantung ditempatkan pada tumpu kasau.

Kebanyakan seniukir yang dipadankan pada dinding luar adalah dari jenis tebuk tembus (Rajah 51). Di bahagian dinding dalam atau bilik selain ukiran tebuk tembus terdapat pula ukiran tebuk tidak tembus dan setengah-setengah rumah terdapat ukiran kisi-kisi, terutama di bahagian selasar, serambi atau anjung. Pada bahagian badan rumah pula terdapat pintu-pintu dan tingkap-tingkap. Ukiran juga dipasang di ambang pintu dan tingkap. Memandangkan pintu merupakan laluan keluar masuk yang utama maka ia dianggap penting (Rajah 52 dan 54). Justeru itu, pada sesetengah rumah dan juga masjid, motif ukiran pada bahagian ambang pintu berbentuk kaligrafi berupa doa-doa pelindung kepada penghuni dan peringatan dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Rajah 54).


Di Kelantan dan Terengganu terdapat dinding rumah atau dinding masjid berukir yang dikenali dengan nama "dinding janda berhias" atau "dinding papan kembung". Pada sesebuah masjid ukiran banyak kedapatan pada mimbar. Bagi rumah orang berada, kadangkala daun pintu juga dipasang dengan kayu berukir.

Rajah 51:

Motif Kaligrafi dan
Pada Bahagian Atas P
dan Dinding



Rajah 52: Ukiran Di Atas Pintu




Rajah 53 : Ukiran Di Bahagian Atas Tingkap



Rajah 54:

Kaligrafi Yang Terdapat Di Atas Pintu



Puisi memuji Rasulullah S.A.W (Al Madaih al-Nabawiyah)

Bermaksud:

"Menyeru kepada Allah/Pematuhan/pemaafan/tentali yang tak putus".


Ukiran pada bahagian bumbung pula dipadankan pada pemelehan, tebar layar dan kadangkala pada perabung rumah. Ukiran yang terdapat pada puncak rabung rumah dikenali sebagai "sisik naga", "gunungan", "ombak-ombak", "sulur bayung", "buah kaba"⁴⁵ dan sebagainya (Rajah 55).

Pada sesetengah rumah Terengganu, terutama rumah Limas Belanda terdapat suatu ragam hias yang dikenali sebagai buah guntung. Ukiran bentuk ombak-ombak bermotifkan lebah bergantung terdapat pada bahagian tumpu kasau atau cucuran atap. Ukiran juga boleh didapati pada bahagian pemelehan dan tunjuk langit. Bagi rumah orang berada tampuk lampu pada siling juga dipasang ukiran (Rajah 56).


Pada bahagian kaki atau bawah bangunan, ukiran biasanya dipasang pada ibu tangga dan galah tangga. Kadang-kadang pada sesetengah tiang juga diukir, walau bagaimanapun kebanyakannya dalam bentuk kumai. Selain itu, bahagian bendul juga dihias dengan kumai. Kedudukan sesuatu ukiran pada sesebuah bangunan mempunyai hubungan yang rapat dengan fungsi sesuatu ukiran itu di samping ditentukan oleh nilai-nilai sosial.

45. Halim Nasir, *Opcit*, hal - 133

Rajah 55: Ukiran Yang Terdapat Pada Bumbung Rumah



Rajah 56: Ukiran Tampuk Lampu Pada Siling Rumah Bermotifkan Flora



Setiap bangunan mempunyai ruang dan setiap ruang mempunyai fungsi-fungsinya yang tertentu. Terdapat tiga ruang utama pada rumah iaitu ruang tetamu, ruang keluarga dan ruang memasak. Bagi masjid dan surau pula, terdapat ruang imam dan ruang makmum. Ruang makmum terbahagi kepada dua iaitu ruang makmum lelaki dan ruang makmum perempuan. Bagi wakaf pula hanya terdapat satu ruang sahaja iaitu ruang berehat kecuali wakaf yang mempunyai lantai bertingkat, terdapat ruang untuk sembahyang. Selain daripada itu, terdapat ruang-ruang tambahan pada rumah, masjid dan surau. Ruang tambahan bagi rumah ialah selasar, anjung dan lambur yang berfungsi sebagai tempat beristirehat waktu petang dan menyambut tetamu. Bagi masjid dan surau, ruang tambahan yang ada ialah ruang mengambil air sembahyang. Ruang-ruang pada bangunan tradisional di Terengganu tidak mempunyai bilik-bilik yang bersifat tetap dan begitu juga dengan fungsinya walaupun dikhaskan, tetapi kadangkala fungsinya boleh berubah.

Masyarakat Melayu bukan sahaja mempunyai tukang-tukang rumah yang mahir, malahan terdapat tukang-tukang ukir yang berperanan menghasilkan ukiran-ukiran yang menarik bagi mencantikkan sesebuah bangunan.